

AKHBAR : BERITA HARIAN  
 MUKA SURAT : 2  
 RUANGAN : NASIONAL

# Air zamzam tak boleh dijual di Malaysia

**KKM sahkan tiada syarikat tempatan dapat lesen import**

Oleh Irwan Shafrizan Ismail  
 bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan (KKM) melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) mengesahkan tiada pengedar atau syarikat di Malaysia yang sudah mendapat lesen bagi pengimportan dan penjualan air zamzam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pengimportan air mineral semula jadi memerlukan lesen punca air KKM selepas mendapat dokumen pengesahan pihak berkusa geologi dan hidrologi dari negara pengeksport.

Beliau berkata, air zamzam dikategorikan sebagai air mineral semula jadi dan termaktub mengikut Peraturan 360A, Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

"Dalam hal ini, Kerajaan Arab

Saudi tidak mengeluarkan pengesahan terbabit kerana air zamzam tidak boleh dieksport dan diperdagangkan.

"Tindakan penolakan konsinan akan dilaksanakan sekiranya terdapat pengimportan air zamzam yang tidak berlesen. Justeru, air zamzam yang diiklan atau dijual di pasaran diragui ketulenannya," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, KKM mengambil maklum isu penjualan air zamzam secara dalam talian yang disiarkan media tempatan pada Selasa lalu.

"KKM menasihati orang ramai tidak membeli air zamzam daripada mana-mana kedai atau platform dalam talian, terutama pada musim haji ini kerana dikhawatir ia air zamzam tiruan," katanya.

Beliau berkata, hasil pengukusan yang dijalankan sejak 2012 hingga kini, nilai rampasan ke atas air zamzam di pasaran berjumlah RM83,618.20.

Sejumlah 237 iklan makanan dipadamkan daripada pelbagai platform e-dagang kerana pelbagai kesalahan mengikut Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Pe-



raturan Makanan 1985.

"Daripada jumlah itu, 32 iklan makanan yang dipadam adalah iklan air zamzam, manakala hasil pemantauan di media sosial pada 2021 dan 2022, sebanyak 23 dan 40 iklan air zamzam masing-masing dipadam," katanya.

Peraturan-Peraturan Makanan 1985 menetapkan mana-mana orang disabitkan kesalahan menjual air minuman berbungkus dan air mineral semula jadi tidak berlesen boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak lebih dua tahun.

Maklumat berkaitan penjualan air zamzam di mana-mana kedai atau dalam talian boleh disalurkan ke pejabat kesihatan daerah terdekat atau melalui laman sesawang aduan awam KKM (<http://moh.spab.gov.my>); atau Facebook BKKM <http://www.facebook.com/bkkmnhq>.



Orang ramai dinasihat waspada air zamzam diiklan kerana diragui ketulenannya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

# Warga Malaysia tak perlu lagi isi Pas Pengembara

**Kelonggaran mulai Isnin susulan sistem kesihatan negara pada tahap baik**

Oleh Tuty Haryanti  
Ahmad Rodzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Mulai Isnin ini, warga Malaysia yang akan pulang ke negara ini, tidak lagi

perlu mengisi dan melengkapkan ciri-ciri Pas Pengembara dalam aplikasi MySejahtera mereka.

Menyatakan demikian, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata kelonggaran itu bagi memudahkan warganegara kembali ke Malaysia.

Selain itu, katanya, ketika ini keadaan sistem kesihatan negara juga sudah berada pada tahap yang baik dan memuaskan.

"Pemansuhan ini akan dibuat secara berperingkat untuk turut memberi kelonggaran kepada kumpulan lain seperti pemegang pas sosial, pas pelajar serta penduduk tetap pada masa depan yang akan diumumkan kelak.

"Sebagai permulaan, pemansu-

han ini hanya terpakai kepada warganegara," katanya dalam kenyataan, di sini semalam.

Bagaimanapun, Khairy berkata, ciri-ciri Pas Pengembara masih dipaparkan di aplikasi MySejahtera dan ia perlu dilengkappkan oleh pengembara bukan warganegara Malaysia sebelum memasuki negara ini.

Katanya, selain pemantauan kes COVID-19 dalam kalangan pengembara luar, ciri-ciri itu perlu dilengkappkan oleh mereka supaya Kementerian Kesihatan (KKM) berupaya membuat pemantauan rapi ke atas penyakit berjangkit lain dari luar negara seperti cacar monyet.

**Kelonggaran itu bagi memudahkan warganegara kembali ke Malaysia**

**Khairy Jamaluddin,  
Menteri  
Kesihatan**



Kedah kesan 1,360 kes jangkitan ILI dalam sebulan

**Alor Setar:** Dalam tempoh sebulan antara 31 Mei hingga 28 Jun lalu, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kedah menggesa sebanyak 1,360 kes jangkitan Penyakit Seperti Influenza (ILI), sebahagian besarnya adalah membabitkan sekolah berasrama di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Dr Mohd Hayati Othman, berkata jangkitan itu membabitkan 18 kluster, iaitu di 17 sekolah dan sebuah pusat pemulihan.

"Jumlah kes tertinggi adalah di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Langkawi dengan 321 kes direkodkan, diikuti Sekolah Sains Sultan Mohamad Jiwa di Sungai Petani dengan 117 kes direkodkan.

"Putus Pemulihan Jagaan dan Rawatan (CCRC) Khas Serdang, Kulim dan MRSM Merbok pula masing-masing mencatatkan sebanyak 115 kes, manakala Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Kubang Pasu sebanyak 100 kes," katanya dalam kenyataan semalam.

Sebuah sekolah berkenaan masih dibenarkan beroperasi berikutkan kes tidak serius. Penyakit berjangkit ILI sering berlaku di lokasi yang sesak seperti di asrama sekolah dan ia merebak menerusi titisan yang dikeluarkan oleh individu yang sudah dijangkiti.

"ILI disebabkan oleh virus dan ia merебاب menerusi individu yang dijangkiti apabila mereka bersin, batuk dan apabila mereka berkongsi barang dengan orang lain.

"Pencegahan boleh dibuat melalui kuarantin, kebersihan, etika batuk dan bersin yang betul. Tiada rawatan khusus, tetapi rawatan akan diberikan berdasarkan simptom," katanya.

Justeru, Dr Mohd Hayati menasihatkan supaya orang ramai mendapatkan rawatan jika sekiranya menyedari sebarang gejala ILI.

Katanya, penyakit itu boleh menjadi serius bagi individu yang mempunyai sistem imun yang terjejas.

"Jika sebarang gejala berterusan, sila dapatkan rawatan. Untuk kebanyakan kes jangkitan Penyakit Seperti Influenza yang biasanya akan baik sendiri melainkan bagi individu yang mempunyai sistem imun yang terjejas seperti pesakit kanser yang sedang menjalani rawatan kemoterapi, orang yang mengambil steroid selepas pemindahan organ dan juga pesakit penyakit autoimun," katanya.

## Jemaah disaran ikut nasihat KKM, TH

**Putrajaya:** Sejumlah 268 katil disediakan di Pusat Rawatan Pesakit Dalam membabitkan Pusat Rawatan TH di Makkah dan Madinah serta Klinik Kecemasan Ibu Pejabat TH, manakala 148 katil disediakan bagi Pusat Rawatan dan Rehat di Janadriyah, Land Premium dan Madinah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdulrahman berkata sejak Klinik Pesakit Luar di Makkah dan Madinah mula beroperasi pada 6 Jun lalu, kedatangan pesakit luar meningkat, namun hampir keseluruhan kes diterima boleh dirawat dan mampu dicegah menerusi amalan penjagaan kendiri.

"Seperti mana pengoperasian musim haji sebelum ini, lima kumpulan penyakit yang paling kerap diterima di Klinik Pesakit Luar ini adalah jangkitan kuman paru-paru seperti jangkitan kuman pernafasan atas (URTI), radang paru-paru dan lelah.

"Penyakit tidak berjangkit seperti darah tinggi, kencing manis dan serangan jantung; penyakit berkaitan kulit serta tekanan haba, keletihan haba dan kepenatan badan," katanya dalam kenyataan semalam.

Tambah Dr Noor Hisham, cuaca panas terik dan kering di Tanah Suci Makkah dan Madinah boleh memberi kesan mudarat kepada kesihatan dan langkah penjagaan kesihatan perlu diamalkan serius jemaah.

"Cuaca panas terlampau boleh menyebabkan seseorang kerap berpeluh dan kesannya cecair dalam tubuh akan berkurangan sehingga menyebabkan mudah berasa lemah dan kurang bertegangan serta lebih berisiko mengalami dehidrasi dan strok haba.



Dr Noor Hisham (dua dari kanan) melawat pesakit ketika meninjau kesiapsiagaan pasukan perubatan di Makkah untuk jemaah haji Malaysia.

"Menjalani ibadah ini memerlukan kekuatan fizikal dan emosi yang tinggi memandangkan keadaan di Tanah Suci yang sesak, di samping cuaca panas, selain penularan jangkitan penyakit berjangkit yang kerap kali berlaku."

"Justeru, jemaah disarankan mengikuti nasihat dan panduan kesihatan awam serta amalan pemakanan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) dan TH supaya tahap kesihatan sentiasa dalam keadaan baik bagi membolehkan urusan ibadah dilaksanakan dengan lancar dan sempurna," katanya.

"Cuaca panas terlampau boleh menyebabkan seseorang kerap berpeluh dan kesannya cecair dalam tubuh akan berkurangan sehingga menyebabkan mudah berasa lemah dan kurang bertegangan serta lebih berisiko mengalami dehidrasi dan strok haba.

Menurut Dr Noor Hisham, Pusat Rawatan Lembaga Tabung Haji (TH) di Makkah dan Madinah menjadi pusat rawatan jemaah haji luar negara pertama di Arab Saudi yang mendapat kelulusan permit (Tarkhis) oleh Kementerian Kesihatan Arab Saudi bagi pembukaan dan pengoperasian hospital musim haji kali ini.

Perkhidmatan ditawarkan di pusat rawatan itu hampir setara dengan hospital pakar Minor.

"Begitu juga untuk Permit Ambulans (Tasribi) untuk menjalankan perkhidmatan ambulans yang mana Malaysia mempunyai

20 ambulans spesifikasi tinggi.

"Kelulusan permit ini diberikan setelah melalui pemeriksaan yang ketat dan teliti oleh Kementerian Kesihatan Arab Saudi. Ini juga pengiktirafan kepada kualiti dan standard fasiliti serta perkhidmatan kesihatan bagi jemaah Malaysia di Makkah dan Madinah."

"Syabas dan tahniah kepada Ketua Rombongan Haji Malaysia, Datuk Seri Syed Saleh Syed Abdul Rahman dan Timbalan Ketua Rombongan Haji (Perubatan) serta Rombongan Perubatan Muslim Haji 1443H/2022M, Dr Mohd Shaffari Marzuki," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NASIONAL

## Tiada pengedar dapat lesen import, jual air zam zam

**PUTRAJAYA** - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan tiada pengedar atau syarikat di Malaysia yang mendapat lesen bagi pengimportan dan penjualan air zam zam.

Jelas Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, air zam zam dikategorikan sebagai air mineral semula jadi dan termaktub di bawah Peraturan 360A, Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

"Pengimportan air mineral semula jadi memerlukan lesen punca air KKM setelah mendapat dokumen pengesahan pihak berkuasa geologi dan hidrologi dari negara pengeksport," katanya.

Menurutnya, dalam hal ini, kerajaan Arab Saudi tidak mengeluarkan pengesahan tersebut kerana air zam zam tidak boleh dieksport dan diperdagangkan.

"Tindakan penolakan konsnasan akan dilaksanakan sekiranya terdapat pengimportan air zam zam yang tidak berlesen.

Justeru itu, air zam zam yang diiklan atau dijual di pasaran diragui ketulennya," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Beliau berkata, hasil aktiviti pengawaluan yang dijalankan KKM menerusi Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) sejak 2012 hingga kini, nilai rapsanan ke atas air zam zam di pasaran adalah RM83,618.20.

"BKKM turut jalankan saringan berterusan ke atas platform dalam talian termasuk e-dagang," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, sejumrah 237 iklan makanan telah dipadamkan daripada pelbagai platform e-dagang kerana pelbagai kesalahan di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

"Daripada jumlah tersebut, 32 iklan makanan yang dipadam adalah iklan air zam zam daripada media sosial," katanya.

Ujarnya, hasil pemantauan BKKM di media sosial pada tahun 2021 dan 2022 pula, sebanyak 23 dan 40 iklan air zam zam telah dipadam daripada media sosial.

"Di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985, mana-mana orang yang disabitkan kesalahan menjual air minuman berbungkus dan air mineral semula jadi yang tidak berlesen boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun," katanya.

# Tidak perlu lagi isi pas pengembala

Kelonggaran mulai 4 Julai itu memudahkan rakyat kembali ke negara selain sistem kesihatan berada di tahap baik dan memuaskan

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

B erkuat kuasa 4 Julai, rakyat Malaysia yang ingin pulang ke lahan air tidak lagi perlu mengisi dan melengkapskan ciri-ciri pas pengembala dalam aplikasi MySejahtera.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, kelonggaran itu bagi memudahkan rakyat kembali ke negara ini selain sistem kesihatan kini berada di tahap baik dan memuaskan.

"Pemansuhan ini akan dibuat berperingkat bagi memberi kelonggaran kepada kumpulan lain seperti pemegang pas sosial, pas pelajar serta penduduk tetap pada masa depan

yang akan diumumkan kelak," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Menurut Khairy, ciri-ciri pas pengembala masih dipaparkan di aplikasi MySejahtera dan perlu dilengkapsan oleh pengembala asing sebelum memasuki negara ini.

"Selain pemantauan kes-kes Covid-19 dalam kalangan pengembala luar, ciri-ciri tersebut perlu dilengkapsan oleh mereka supaya KKM berupaya membuat pemantauan rapi ke atas penyakit berjangkit lain dari luar negara seperti cacar monyet," katanya.



KHairy

## KKM nafi krisis kekurangan doktor di HKL, HTA

**PUTRAJAYA** - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menafikan berlaku krisis kekurangan pegawai perubatan di Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan Hospital Tunku Azizah (HTA).

Pihaknya telah merancang pertukaran masuk pegawai perubatan dari negeri lain ke HKL dan HTA pada tarikh yang sama bagi menggantikan Pegawai perubatan yang bertukar ke luar mulai 18 Julai.

"Urusan pertukaran ini adalah prosedur biasa yang dilaksana KKM bagi

melaksanakan arahan dan memproses permohonan pertukaran pegawai dari masa ke masa," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Mengulas mengenai surat HKL yang tular berkaitan dengan kekurangan pegawai perubatan, KKM menjelaskan ia dikeluarkan oleh pengurusan hospital tersebut bagi melaksanakan penyelarasaran dalam untuk memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan khususnya di Jabatan Kecemasan HTA terus ber-

jalan lancar.

"Sehubungan itu, isu berlaku krisis kekurangan Pegawai Perubatan di HKL dan HTA adalah tidak berbangkit," katanya.

Sinar Harian pada Khamis melaporkan, pemilik akaun Twitter mendedahkan tangkap layar isi kandungan surat jemputan sesi perjumpaan pegawai perubatan bidang pengurusan diadakan 1 Julai selepas mendapati akan berlaku krisis kekurangan pegawai perubatan selepas 18 Julai.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

## Returning M'sians no longer need Traveller's Pass in app

**PETALING JAYA:** Malaysians returning from overseas will no longer be required to fill the Traveller's Pass on the MySejahtera app from Monday, says Khairy Jamaluddin.

"The rule has been relaxed to ease the travel process for Malaysian citizens returning home while our health system is in a good and satisfactory state," the Health Minister said in a statement yesterday.

He said the requirement will be abolished in phases for other groups including social pass and student pass holders, and permanent residents, adding that for now, the rule only applied to Malaysian citizens.

Khairy said foreigners would still have to fill in the Traveller's Pass on MySejahtera before entering the country.

He said besides Covid-19, this would allow the ministry to monitor the outbreak of other infectious diseases such as monkeypox.

The Traveller's Pass was rolled out on Oct 8, 2020, for travellers entering and exiting Malaysia.

## New Covid-19 cases on the rise this week

**KUALA LUMPUR:** New daily Covid-19 cases continued to surge with the figure reaching 2,867 cases on the last day of June, the highest for the month.

The new cases brought the nation's active cases with probable infection to 29,434 while total cumulative cases stood at 4,566,055.

Of the 2,857 cases on Thursday, Kuala Lumpur reported the highest at 906, followed by Selangor (881), Negeri Sembilan (168), Sabah (154), Perak (143) and Penang (119).

States with two-digit new daily cases were Melaka (95), Johor (79), Putrajaya (72), Sarawak (68), Kedah (63), Pahang (50), Terengganu (25), Labuan (17), Kelantan (17) and Perlis (10), Bernama reported.

Health Minister Khairy Jamaluddin had warned that a new wave of Covid-19 infections in the country was expected to occur earlier than predicted based on a rise in daily cases in the country and in Singapore.

According to the Health Ministry, a total of 2,145 recoveries were reported, bringing the cumulative figure to 4,500,856.

During the week, the ministry also reported two new clusters namely the education cluster (Seri Nanas Cluster), which was detected on June 30 in Hilir Perak, Perak, involving six cases to date.

Another cluster, high-risk group (Jalan Camar Cluster) was reported on June 25, involving 20 cases, in Seremban.

## Replacement medical officers for HKL and HTA

**PETALING JAYA:** Medical officers from other states will be sent out to Kuala Lumpur Hospital (HKL) and Tunku Azizah Hospital (HTA) to replace those transferred out, says the Health Ministry.

The ministry in a statement said medical officers from other states would be sent to both hospitals on the same day as those transferred out, which is on July 18.

The letter issued by the HKL

management is for internal coordination to ensure delivery of health services, especially in HTA's Emergency Department, continues to run smoothly.

"In line with the outgoing exchange of medical officers from HKL to HTA on July 18, the ministry has planned to send medical officers from other states to HKL and HTA on the same date as replacement.

"The exchange deal is a normal

procedure implemented by the ministry to execute instructions and process officers' exchange applications from time to time," it said.

Earlier, an internal letter tweeted by Hartal Doktor Kontrak (HDK)

said HKL's senior management found out that there would be a shortage of medical officers at HKL and HTA following the exit of junior medical officers (floaters).

The internal letter, signed by

HKL's deputy director Dr Marina Abdullah Sani, said a meeting would be held at the hospital's auditorium on Friday afternoon with all medical staffers to find a solution.

HDK said the letter showed that the doctor shortage crisis could only worsen, something they warned about a long time ago.

"They barely had enough doctors to cater to HKL's patient load, and now this," tweeted HDK.